



GARIS PANDUAN

PENDAFTARAN RESIDEN PELAJAR UMP

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Disediakan Oleh	Encik Zainal bin Bahari Pengurus Perkhidmatan Pelajar Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni	 ZAINAL BIN BAHARI PENGURUS JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG TEL. 09-549 2547 FAKS: 09-549 2535
Disemak Oleh	Puan Haryani binti Abdullah Pengurus Besar Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni	HARYANI BINTI ABDULLAH PENGURUS BESAR JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG TEL: 09-549 2580 FAKS: 09-549 2535
Diluluskan Oleh	Profesor Dato' Ts Dr Yuserrie bin Zainuddin Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni	 PROF. DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG TEL. 09-549 2561 FAKS: 09-549 2535



GARIS PANDUAN

PENDAFTARAN PELAJAR KE RESIDEN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SESI AKADEMIK 2020/2021

PENGENALAN

YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac sehinggalah kepada yang terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuatkuasa 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020.

Oleh yang demikian, pelajar dan waris pelajar yang akan hadir untuk proses lapor diri nanti adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

1. Tarikh lapor diri pelajar baharu program Ijazazah Sarjana Muda Bagi Sesi Akademik 2020/2021 ialah pada **12, 13 dan 14 Oktober 2020**. Masa pendaftaran adalah bermula jam 9.00 pagi – 4.00 petang.
2. Pendaftaran Residen Pelajar (RP) adalah seperti berikut :

Residen Pelajar Perempuan	Residen Pelajar Lelaki
i) Residen Pelajar 3 Blok C2	i) Residen Pelajar 4 Blok A
ii) Residen Pelajar 3 Blok C4	ii) Residen Pelajar 4 Blok B
iii) Residen Pelajar 5 (Kampus Pekan)	iii) Residen Pelajar 5 (Kampus Pekan)

3. Sebelum sesi pendaftaran masuk ke RP, pelajar perlu memastikan Yuran Pengajian & Yuran Asrama telah dibuat bayaran.

4. Pelajar **wajib** membawa cetakan Slip Menduduki Asrama untuk diserahkan semasa sesi pendaftaran masuk asrama di Pejabat Residen Pelajar yang dinyatakan di atas.
5. Saringan suhu badan akan dibuat di Pintu Masuk UMP.
6. Pelajar juga perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi My Sejahtera di pintu masuk kampus.
7. Pelajar, ibubapa / penjaga yang mempunyai gejala demam, batuk, selsema atau suhu badan melebihi 37.5° akan diarahkan **KE PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI** untuk tindakan selanjutnya.
8. Pendaftaran Residen pelajar akan dibuat secara pandu lalu dan '*drop off*' pelajar dibuat di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak Residen Pelajar. Ibu bapa pelajar diminta terus beredar selepas menurunkan pelajar.
9. Sebagai usaha memutuskan rantaian COVID 19 dan mengurangkan kesesakan trafik serta mengelakkan perkumpulan orang ramai, **HANYA PELAJAR SAHAJA** yang dibenarkan untuk mengangkut barangan peribadi ke dalam bilik.
10. Semasa berada di RP, pelajar serta ahli keluarga diingatkan untuk sentiasa mematuhi arahan keselamatan kawalan pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah digariskan oleh KKM, MKN, KPT dan UMP. Pelajar dinasihatkan untuk memakai pelitup muka, sering mencuci tangan, menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) dan mengamalkan penjarakan sosial.

MAKLUMAN PELAJAR

Barang-barang Berikut Adalah **DIBENARKAN** Untuk Dibawa Masuk Ke Residen Pelajar.

- Seterika Elektrik
- Cerek Elektrik
- Kipas

Barang-barang Larangan

Barang-barang berikut adalah **DILARANG** sama sekali untuk dibawa masuk atau disimpan dalam bilik asrama.

- Barang Kemas (kecuali yang telah sedia dipakai oleh pelajar)
- Senjata Tajam
- Minuman Keras
- Periuk Nasi, Dapur Gas Mini, *Mini Bar*
- Lain-lain barangan sepertimana yang termaktub dalam peraturan asrama.

Nota: Pelajar dibenarkan membawa komputer riba dan *printer* untuk kemudahan pembelajaran. Sebarang kehilangan dan kerosakan di bawah tanggungjawab sendiri.

Waktu urusan di Pejabat Residen Pelajar seperti berikut:-

WAKTU URUSAN		
HARI	Isnin - Khamis	Jumaat
PAGI	8:30 pagi – 1:00 petang	8:30 pagi – 12:15 tengahari
REHAT	1:00 petang – 2:00 petang	12:15 tengahari – 2:45 petang
PETANG	2:00 petang – 4:30 petang	2:45 petang – 4:30 petang
TUTUP PADA HARI SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM		

LAIN-LAIN HAL

Garis panduan ini dikeluarkan berdasarkan situasi semasa dan arahan terkini yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan Universiti. Sebarang perubahan terkini akan dimaklumkan semula pada kadar segera.

PENGURUSAN RESIDEN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
2020/2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENDAFTARAN RESIDEN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) PASCA COVID-19

Semua pelajar diingatkan untuk mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Universiti, selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

- 1 Sebagai usaha memutuskan rantaian COVID-19 dan mengurangkan kesesakan trafik serta mengelakkan berlakunya perhimpunan orang ramai, Adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran Residensi Pelajar dibuat secara 'DROP OFF'.
- 2 Ibubapa pelajar/waris diminta terus beredar selepas pelajar diturunkan ditempat yang telah dikhaskan.
- 3 Hanya dua (2) orang ahli keluarga/waris sahaja yang dibenarkan untuk mengiringi pelajar semasa hari pendaftaran. Konsep 1 kenderaan 1 pelajar akan digunakan semasa hari pendaftaran tersebut. Setiap kenderaan yang membawa pelajar perlu mematuhi arahan tersebut.
- 4 Urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dibuat secara berperingkat bagi memastikan jumlah kehadiran adalah terkawal pada satu-satu masa. Perjalanan pelajar adalah ditanggung dan diurus sendiri oleh pelajar.
- 5 Pelaksanaan norma baharu seperti pemeriksaan suhu badan, penggunaan cecair pembasmi kuman, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial akan diadakan di sepanjang keberadaan di dalam kampus.
- 6 Pelajar dan ahli keluarga/waris yang mempunyai gejala demam, batuk, selsema atau suhu badan melebihi 37.5°C akan diarahkan ke PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI untuk tindakan selanjutnya.
- 7 Ibubapa / waris pelajar tidak dibenarkan untuk urusan mengangkut barangan peribadi ke dalam bilik masing-masing.
- 8 Pelajar dinasihatkan untuk membawa barangan peribadi yang bersesuaian sahaja dan tidak membawa barangan yang terlalu banyak dan menyukarkan proses membawa masuk barangan ke dalam bilik masing-masing.
- 9 Pelajar dinasihatkan sentiasa memakai pelitup muka, cecair pembasmi kuman dan mengamalkan penjarakan sosial sepanjang berada dalam kampus Universiti Malaysia Pahang.

GARIS PANDUAN PENGAMBILAN KUNCI RESIDEN PELAJAR

01

LANGKAH PERTAMA

Pelajar bersama ahli keluarga/waris tiba di pintu utama UMP dan perlu mendaftar "QR CODE" pelawat dan saringan suhu badan akan di buat di pintu utama UMP.



02

LANGKAH KEDUA

Pelajar WAJIB mencetak slip Asrama yang mempunyai nombor bilik.



03

LANGKAH KETIGA

Pelajar mengambil kunci di kaunter Pengambilan kunci.



04

LANGKAH KEEMPAT

Pelajar menurunkan barang peribadi di Drop Off Point. Ibubapa diminta terus beredar selepas barangan pelajar diturunkan.



DROP OFF

05

LANGKAH KELIMA

Pelajar sahaja dibenarkan untuk mengangkat barang peribadi ke dalam bilik. Ahli keluarga/waris tidak dibenarkan berada di kawasan Residen Pelajar.

